



# B

## Bisnes

bb@bh.com.my

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Jumlah keseluruhan unit kediaman dan apartmen yang siap dibina tidak terjual meningkat 11.56 peratus kepada 53,344 unit bernilai RM38.67 bilion pada separuh pertama tahun ini (H1 2020).

Ia lebih tinggi berbanding 47,806 unit bernilai RM33.86 bilion yang dicatat pada separuh kedua tahun lalu (H2 2019).

Daripada jumlah itu, unit siap dibina tidak terjual dalam kategori kediaman seperti rumah teres, kondominium dan pangsupuri meningkat kepada 31,661 bernilai RM20.03 bilion pada tempoh dikaji berbanding 30,664 unit (RM18.82 bilion) separuh kedua 2019.

Sementara itu, apartmen berservis siap dibina tidak terjual

# Kediaman, apartmen tak terjual naik 11.56 peratus

Pemaju diminta ambil kira data tentukan projek masa depan

yang berada dalam kategori hartanah komersial pula mencatatkan kenaikan kepada 21,683 unit bernilai RM18.64 bilion, berbanding 17,142 unit bernilai RM15.04 bilion pada H2 2019.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Kewangan II, Mohd Shahar Abdullah, menyarankan pemaju dan pihak berkuasa memberi perhatian sepenuhnya kepada data kediaman tidak terjual ini.

Katanya, ia penting dalam menentukan projek yang bakal dibangunkan dan memastikan harga rumah munasabah bagi kawasan berkenaan.

"Ini untuk memastikan penawaran perumahan selari dengan permintaan dan isu ketidakpadanan dapat diminimumkan," katanya pada majlis taklimat Pasaran Harta Tanah Separuh Pertama 2020 di Putrajaya, semalam. Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Datuk Othman Semail.

Yang turut hadir Ketua Pe-



**Pemaju dan pihak berkuasa perlu beri perhatian sepenuhnya kepada data kediaman tidak terjual ini.**

Mohd Shahar Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan II

ngarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Azmi Abdul Latif.

Dalam laporan diterbitkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) itu, prestasi pasaran hartanah mencatatkan penurunan mendadak pada H1 2020 berbanding tempoh sama tahun lalu.

Sektor hartanah mencatatkan 115,476 transaksi bernilai RM46.94 bilion pada H1 2020, menurun 27.9 peratus dalam bilangan dan 31.5 peratus dalam nilai berbanding separuh pertama 2019 yang mencatatkan 160,165 transaksi bernilai RM68.53 bilion.

Subsektor kediaman menerauji keseluruhan pasaran harta tanah dengan menyumbang 65.2 peratus, diikuti oleh subsektor pertanian dengan syer 20.1 peratus.

Pasaran hartanah kediaman merekodkan 75,318 transaksi bernilai RM25.61 bilion pada enam bulan pertama tahun ini, menurun 24.6 peratus dalam bilangan dan 26.1 peratus dalam nilai berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Dalam pasaran primer, bilangan pelancaran baharu pada H1 2020 jauh berkurangan daripada dicatatkan dalam tempoh kajian.

Sebanyak 13,294 unit dilancarkan, turun 43.6 peratus ber-

banding 23,591 unit pada separuh pertama 2019.

Berbanding separuh tahun sebelumnya, jumlah pelancaran 31.6 peratus lebih rendah (H2 2019: 19,444 unit).

Prestasi jualan pada tempoh dikaji agak lemah iaitu pada 3.3 peratus, jauh lebih rendah berbanding H1 2019 (30.9 peratus) dan H2 2019 (28.4 peratus).

Pelancaran baharu rendah dan prestasi penjualan yang lemah berkemungkinan disebabkan penutupan hampir semua aktiviti perdagangan serta ekonomi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak 18 Mac lalu.

Kediaman baharu dilancar berharga antara RM100,000 dan RM500,000 menguasai pasaran pada H1 2020, dengan segmen harga RM200,000 hingga RM300,000 mendahului penawaran dengan 4,022 unit.

Sementara itu, jualan tertumpu kepada unit berharga RM400,000 dan ke bawah membentuk 92 peratus daripada jumlah jualan. Mengikut jenis, rumah teres mendominasi pelancaran baharu.

Teres satu dan 2-3 tingkat menyumbang 7,389 unit daripada jumlah unit keseluruhan, diikuti oleh unit kondominium atau pangsupuri sebanyak 3,951 unit.

